



JABATAN KEJURUTERAAN
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
JALAN PERDA UTAMA, BANDAR PERDA,
14000 BUKIT MERTAJAM

KJT/PB

BORANG SEMAKAN PELAN BANGUNAN		TEL : 04-5497635 FAX : 04-5389700
DIISI OLEH PERUNDING / WAKIL		
SURAT KAMI : _____ SURAT TUAN: _____ TAJUK CADANGAN :		TARIKH : _____
PEMAJU : ALAMAT :		
NO TEL :	FAX :	E-MAIL :
PERUNDING : ALAMAT :		
NO TEL :	FAX :	E-MAIL :
_____	_____	_____
Nama SP (Submitting Person)	No. Kad Pengenalan	Tandatangan Cop SP (Submitting Person)

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan		
		Semakan Perunding	Semakan OSC	Semakan Jabatan
A	KEHENDAK- KEHENDAK BERIKUT PERLU LAH DITUNAIKAN TERLEBIH DAHULU SEBELUM MENGEMUKAKAN PERMOHONAN			
	SYARAT-SYARAT UMUM (Perlu dikepilkan bersama permohonan)			
1.	Kemukakan satu set laporan hidraulik bagi sistem peparitan utama (Dalam merekabentuk parit, pemohon dikehendaki mengkaji saiz parit yang dicadangkan samada ia mencukupi untuk menampung kawasan tadahan disebelah atas lot tersebut).			
2.	Kemukakan 1 set laporan hidraulik bagi penyediaan kolam tadahan air. Rekabentuk kolam hendaklah dari jenis 'Dry Pond'.			

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan		
		Semakan Perunding	Semakan OSC	Semakan Jabatan
B	DICATITKAN SEBAGAI NOTA DI ATAS PELAN			
1.	Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1992 bagi kawasan Seberang Perai telah dikuatkuasakan . Oleh itu pemohon perlu mengakui akan mengemukakan pelan Kerja Tanah untuk pertimbangan dan kelulusan sebelum sebarang kerja tanah dimulakan			
2.	Pelan-pelan jalan dan parit hendaklah dikemukakan melalui seorang Jurutera Perunding ke Jabatan Kejuruteraan MPSP untuk pertimbangan dan kelulusan.			
3.	Pelan pemasangan lampu jalan hendaklah dikemukakan melalui seorang Jurutera Perunding ke Jabatan Kejuruteraan MPSP untuk pertimbangan dan kelulusan.			
4.	Pemohon dikehendaki mengemukakan pelan pemasangan patil-patil nama jalan untuk pertimbangan dan kelulusan.			
5.	Pemohon dikehendaki mengemukakan pelan cadangan Dewan, Gerai dan pasar untuk ulasan jabatan.			
6.	Jurutera Perunding / Jurukur Berlesen dikehendaki mengesahkan paras tanah yang ditambun bagi tapak cadangan pembangunan mestilah ke paras minima +2.130m S.O.D atau lebih dengan memastikan paras tersebut selamat dari banjir. Pengesahan aras ini berserta 'as-built' hendaklah dikemukakan sebelum memulakan kerja bangunan			

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (X) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan		
		Semakan Perunding	Semakan OSC	Semakan Jabatan
7.	<p>Sebarang bentuk kerja tanah tidak dibenarkan dijalankan sehingga pelan-pelan kerja tanah di luluskan dan telah mematuhi syarat-syarat seperti berikut :</p> <p>a) Mengadakan di tapak :</p> <p>i) Papan tanda kerja tanah (menyediakan dua buah papan tanda sekiranya tapak kerja tanah jauh dari jalan awam.)</p> <p>ii) Kolam cetek bersih tayar kenderaan yang sempurna atau setaraf</p> <p>iii) Dua buah (2) "water Jet Pressure" untuk membersihkan kenderaan keluar dari tapak.</p> <p>iv) Jalan konkrit sepanjang 30 meter bagi laluan keluar.</p> <p>b) Mengemukakan notis memulakan kerja tanah.</p> <p>c) Surat kebenaran memulakan kerja tanah daripada Jabatan Kejuruteraan.</p>			
8.	<p>Pemohon mengakui akan membayar caruman sumbangan pamaritandikira berdasarkan RM10,000.00 seekar kawasan pembangunan. JurukurBerlesen dikehendaki mengesahkan keluasan kawasan dalam ekar dalampelan susunatur dan membayarnya sebelum pelan bangunan diluluskan</p>			
9.	<p>Pemohon hendaklah memastikan pengaliran air oleh lot-lot bersebelahan tidak terjejas akibat pembangunan ini serta perlu bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku apa-apa masalah yang timbul kemudian. Pemohon juga dikehendaki memastikan parit konkrit sediaada /parit tanah sediaada tidak terkambus dan air dapat mengalir dengan sempurna dan Jurutera Perunding dikehendaki mengesahkan bahawa cadangan kemajuan ini tidak akan mengganggu sistem saliran di sekeliling kawasan itu.</p>			

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan		
		Semakan Perunding	Semakan OSC	Semakan Jabatan
10..	Sediakan parit konkrit yang bersesuaian di sekeliling sempadan lot pemohon pada paras tanah sediaada untuk mengalirkan air dari kawasan sekeliling lot tersebut yang terjejas akibat dari pembangunan . Parit tersebut perlulah diletakkan di dalam lot pemohon. Jika parit-parit tersebut ingin diletakkan di dalam lot-lot pemunya lain maka kebenaran secara bertulis perlu diperolehi daripada tuan-tuan tanah tersebut terlebih dahulu.			
11.	Cadangan parit konkrit yang mempunyai 1200mm atau mempunyai kedalaman melebihi 900mm hendaklah disediakan pagar pengadang jenis G.I kelas B.			
12.	Pemohon dikehendaki membina parit perimeter disekeliling lot pembangunan dan parit monsoon utama terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pembinaan lain dijalankan dengan memastikan sistem saliran untuk kawasan sekitarnya tidak terjejas akibat pembangunan			
13.	Mengakui akan mengemukakan 2 salinan pelan ' As-Bulit' Jalan dan Parit dan siap pemasangan lampu jalan dalam bentuk 'hard copy' dan 'soft copy' serta hendaklah disimpan dalam format AutoCad terkini/Shp.File/GIS dalam CD Rom (2 salinan)			
14.	Pemohon dikehendaki mengadakan tanda keselamatan bagi mencegah berlakunya kemalangan kepada orang awam semasa pembinaan sedang dijalankan.			
15	Pemohon dikehendaki membaiki semula kerosakan yang berlaku ke atas jalan dan parit semasa kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan.			
16	Pemohon dikehendaki mengadakan papantanda garisan lalulintas mengikut spesifikasi JKR, butir-butirnya perlu dimasukkan di dalam pelan jalan dan parit.			

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan		
		Semakan Perunding	Semakan OSC	Semakan Jabatan
17.	Pemohon dikehendaki membina parit konkrit tepi jalan bersaiz minima 1.200m berhadapan dengan lot-lotnya dan selepas itu memperbaiki dan menaikkan taraf parit konkrit yang sediaada/mengorek sebarang parit tanah/menaikkan taraf parit tanah yang sediaada/sehingga 'outfall'.			
18.	Pemohon dikehendaki memperbaiki dan menaikkan taraf parit konkrit/ parit tanah yang sediaada daripada lot cadangan pembangunan sehingga akhir buangan.			
19.	Pemohon dikehendaki mengadakan perangkap gris dan sampah sebelum menyalurkan ke parit akhir buangan (outfall).			
20.	Pemohon dikehendaki mencatatkan kelebaran parit , takungan ,pembetung kotak dan menunjukkan arah aliran dari air dari tapakcadangan sehingga ke pembuangan akhir.			
21.	Pemohon dikehendaki membina dua bas 'lay by ' berserta dengan pondok bas berhadapan untuk setiap arah dan beberapa buah pondok bas di dalam lot pembangunan pada jarak 500 meter setiap satu.			
22.	Tanah lapang di antara celah/disekeliling bangunan tinggi mestiditambun , diratakan dan ditanam dengan rumput dan dibuat pandangan daratan dan seterusnya diletakkan di bawah penyelenggaraan pemaju / jawatankuasa pengurusan rumah pangsa / pangsapuri.			
23.	Kawasan berhadapan dengan sungai /kawasan di tepi sungai mestiditambun sekurang-kurangnya ke paras S.O.D. + 2.130m, diratakan ,ditanam dengan rumput dan dibuat pandangan daratan.			
24	Pemohon perlu memperakui akan memohon permit paparan iklan selepas mendapat kelulusan Pelan Bangunan MPSP dan akan memasang paparan iklan tersebut selepas mendapat kelulusan permit paparan iklan. Denda tiga kali ganda akan di kenakan sekiranya pemohon memasang paparan iklan sebelum permit di luluskan			

Untuk semakan OSC :

Permohonan tuan Dikembalikan kerana tidak menunaikan syarat-syarat Pengemukaan.

Permohonan Diterima (Kelulusan permohonan ini mesti tertakluk kepada syarat-syarat teknikal dan syarat-syarat lain).

Nama : _____

Jawatan : _____

Untuk Semakan Jabatan :

Permohonan dikembalikan kerana tidak menunaikan syarat-syarat pengemukaan.

Permohonan Diterima (Kelulusan permohonan ini mesti tertakluk kepada syarat-syarat teknikal dan syarat-syarat lain).

Nama : _____

Jawatan : _____